

ISLAM DAN SAINS : SATU PERSPEKTIF

Mohd. Noor Ramlan

ABSTRAK

Artikel ini cuba menghuraikan beberapa ciri saintifik Al Quran dan seterusnya menekankan bahawa aspek-aspek ini hanya mungkin dapat dikupas dengan bermakna oleh mereka yang mempunyai latar belakang sains dan teknologi. Tambahan pula dalam masa kini, amat sukar untuk mendapatkan seseorang yang menguasai kedua-dua bidang sekaligus, Pendidikan Islam dan Sains dan Teknologi. Adalah dirasakan kedua-duanya saling lengkap melengkapi antara satu sama lain, walaupun pada dasarnya Pengetahuan Islam semestinya diberikan keutamaan lebih dari segala-galanya.

Sebagai seorang manusia yang setiap seorang mempunyai kehendak dan cita-cita untuk menjadi manusia yang sempurna, maka tidak boleh tidak ia perlulah berilmu. Ilmu adalah satu bentuk aset yang paling berharga pada manusia. Manusia yang mulia adalah manusia yang berilmu. Manusia yang tidak berilmu adalah manusia yang dipandang rendah oleh manusia lain kerana ia kekurangan elemen penting dalam dirinya meskipun kekayaan materialnya melimpah. Aset penting yang ada pada diri setiap manusia ialah akalunya. Seseorang yang tidak mencanai kebijaksanaan otak dikepalanya yang sedia ada adalah merupakan seorang yang miskin yang paling miskin kerana aset yang ada padanya tidak digunakan sepenuhnya. Samalah seperti seorang yang mempunyai sebuah kereta mewah yang mahal tetapi tidak mahu menaikinya atau memandunya ke mana-mana ia hendak pergi. Samalah juga seperti seorang anak orang

kaya yang banyak tanah, tetapi tidak mengusahakan tanah itu bagi mendatangkan hasil.

Sebab itulah di dalam Islam menuntut ilmu itu wajib bagi lelaki dan perempuan. Menuntut ilmu adalah satu jihad yang suci. Hadis Rasulullah pula mengatakan *Tuntutlah Ilmu Walau Sampai Ke Negeri China Sekalipun. An Hour of meditation is better than sixty years of worship* dan *The ink of the man of knowledge is more worthy than the blood of martyr. Sesungguhnya Allah menjamin rezeki penuntut ilmu. Orang yang paling dekat daripada darjat kenabian ialah orang-orang yang berilmu dan berjihad.*

Allah sendiri mengiktiraf para ilmuan dengan beberapa firman yang antaranya:

"Apakah sama orang-orang yang berilmu dengan orang-orang yang tidak berilmu". Az-Zumar : 9.

"Nescaya Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat ketinggian". Al-Mujadalah : 11.

"Sesungguhnya Allah tidak akan merubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga kaum itu merubah apa yang ada pada dirinya". Al Raad : 11.

"Maka bertanyalah kepada orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan sekiranya kamu tidak mengetahui". An-Nahl : 43.

Kegemilangan tamadun sesuatu bangsa adalah dicetuskan dan didominasi oleh kegemilangan keilmuannya. Zaman kegemilangan Islam dahulu juga adalah kerana kepesatan pembangunan ilmunya membuatkan Islam terkenal hampir ke seluruh dunia.

Di dalam membina sesuatu masyarakat umat Islam yang maju, sesuai dengan kehendak negara ini, tidak dapat tidak setiap orang Islam perlu memiliki ilmu. Kekuatan intelektual adalah nadi kekuatan ummah. Tanpa

kekuatan intelek umat akan menjadi layu, kaku dan tidak bermaya. Begitu juga kekuatan seorang individu adalah banyak bergantung kepada ilmu yang dimilikinya. Tanpa kekuatan ilmu seseorang akan dipandang rendah dan biasanya seseorang yang kekurangan ilmu akan mengalami masalah *inferiority complexes*.

Atas kesedaran itu umat Islam telah berjaya melahirkan ribuan tokoh ilmuan seperti Al-Khawarizmi (Matematik), Al Khayyam (Algebra), Ibnu Khaldun (Undang-undang, Sejarah dan Sosiologi), Al-Biruni (Geografi, Sejarah, Astronomi, Matematik, Farmasi), Ibnu Al-Haitham (Optik dan Mata), Razi atau Ibnu Sina (Perubatan), Ibnu-Zuhr (Surgery), Ibnu Hayyan (Kimia), At-Tabari (Biologi), Al-Ghafiqi, Ibnu Baytar, Jabir Ibnu Hayyan, Abu Nadir Ibnu Sumayl (Botani).

Sikap cendekiawan muslim juga berbagai-bagai malah mengkagumkan. Imam Shafie telah menghafaz Al Quran semasa berumur sepuluh tahun dan layak memberi fatwa semasa berumur 15 tahun. Ibnu Sina telah membaca semua buku di zamannya semasa berumur 17 tahun. Ibnu Rush pula tidak pernah tidak berfikir kecuali di malam perkahwinannya. Al Jahiz amat gemar membaca buku sehingga matinya ditimpa buku. Al Mutannabi pula, kerana cintanya kepada buku sehingga ia berkata *tempat duduk yang paling mulia di dunia ini ialah pelana kuda dan teman setia yang paling baik sepanjang zaman adalah buku*.

Seseorang muslim semestinya mampu menguasai semua bidang ilmu. Bak kata pepatah inggeris "*Know little about everything is better than know everything about something*". Tetapi oleh kerana kemampuan seorang manusia adalah terhad bergantung kepada kemampuan dan minatnya, masih baik jika seseorang mengkhusus dan menjadi pakar dalam sesuatu bidang. Setiap manusia Islam perlu ingat bahawa manusia tidak boleh menguasai segala-galanya. Tetapi jika kekuatan dan kelebihan seseorang dapat dikongsi bersama-sama dalam satu pasukan, maka ia boleh menghasilkan kekuatan ummah.

Manusia Islam boleh belajar apa jua ilmu, baik ilmu asas dan ilmu-ilmu gunaan (teknologi). Namun ilmu-ilmu yang menjadi teras Islam perlu juga dikuasai seperti ilmu Fiqh, Tasawuf dan sebagainya. Namun demikian kekuatan individu muslim bukan hanya setakat di situ sahaja. Seseorang muslim perlu menguasai ilmu-ilmu lain yang boleh membawa kesejahteraan ummah seperti Ekonomi, Fizik, Kimia, Perakāunan dan lain-lain yang kesemuanya harus dilandaskan kepada mencari keredhaan Allah SWT.

Di dalam hal ini, ilmu Sains misalnya ilmu Kajihayat mempunyai beberapa kelebihan. Ini kerana seseorang individu muslim yang telah menguasai ilmu-ilmu asas Islam akan menemui bahawa hukum-hukum yang telah dinyatakan dalam Al Quran mahupun Al Hadis adalah selaras, sesuai dengan perkembangan zaman dan bernilai tinggi dan saintifik. Aspek ini penting kerana segala hukum yang diturunkan adalah bernilai saintifik yang hanya dimengertikan oleh para cendikiawan yang berlatarbelakangkan sains dan seterusnya mampu menambahkan keimanan seseorang.

Seseorang ahli Biologi sentiasa menyedari kelemahan dan keterbatasannya dan sentiasa bekerja dengan kehidupan yang secara tidak langsung menyedari bahawa ia tidak boleh lari dari kekuasaan Allah SWT, meskipun betapa canggihnya teknologi yang digunakan. Semakin tinggi dan mendalam pengetahuan seseorang ahli Biologi, maka kesedarannya tentang kekuasaan Allah SWT semakin mendalam. Ilmu ini mampu menambahkan kekuatan iman seseorang Islam, sehingga ia bekerja dengan keikhlasan yang tiada tolok bandingnya.

Di bawah ini diberikan beberapa contoh ayat-ayat Al Quran yang memerlukan pendekatan atau sorotan saintifik bagi memahaminya dan menghayatinya dengan berkesan.

AIR DAN KEPENTINGANNYA.

"Dan apakah orang-orang kafir tidak mengetahui bahawasanya langit dan bumi itu dahulunya adalah satu yang padu, kemudian kami pisahkan antara keduanya. Dan daripada air kami jadikan segala sesuatu yang hidup. Maka mengapakah mereka tidak juga beriman". Surah Al-Anbiaya' : 30

"Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah kami turunkan air ke atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan bermacam tumbuh-tumbuhan yang indah". Al-Haji : 5

"Dan Allah telah menciptakan semua jenis haiwan dari air, maka sebahagian dari haiwan itu ada yang berjalan di atas perutnya dan sebahagian berjalan dengan dua kaki, sedang sebahagian (yang lain) berjalan dengan empat kaki. Allah menciptakan apa yang di kehendaknya, sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu". An-Nurr : 45

"Dan bumi sesudah itu dihamparkannya. Ia memancarkan daripadanya mata airnya, dan menumbuhkan tumbuh-tumbuhan dan gunung-gunung dipancangkan dengan teguh". An-Naaziaat : 30-33

"Dan Allah menurunkan dari langit air (hujan) dan dengan air itu dihidupkan bumi sesudah matinya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran tuhan) bagi orang-orang yang mendengarkan pelajaran". An-Nahl : 65.

"Yang telah menjadikan bagimu bumi sebagai hamparan dan yang telah menjadikan bagimu di bumi itu jalan-jalan dan menurunkan dari langit air hujan. Maka kami tumbuhkan dengan air hujan itu berjenis-jenis dari tumbuh-tumbuhan yang bermacam-macam". Thaahaa : 53.

"Dan dialah yang menurunkan air hujan dari langit lalu kami tumbuhkan dari air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka kami keluarkan dari tumbuhan itu tanaman yang menghijau". Annam : 99.

"Dialah yang menurunkan air hujan dari langit untuk kamu, sebahagiannya menjadi minuman dan sebahagiannya (menyuburkan) tumbuh-tumbuhan yang dengannya kamu mengembalakan ternakan. Dia menumbuhkan bagi kamu dengan air hujan itu tanam-tanaman, zaitun, korma, anggur dan segala macam buah-buahan. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar ada tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang memikirkan". An-Nahl : 10-11.

"Untuk menjadi rezeki kepada hamba-hamba Kami dan Kami hidupkan dengan air itu tanah yang mati (kering). Seperti itulah terjadinya kebangkitan". Al-Qaaf : 11.

"Kemudian setelah itu hatimu menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal di antara batu-batu itu sungguh ada yang mengalir sungai-sungai daripadanya dan di antaranya sungguh ada yang terbelah lalu keluarlah mata air daripadanya dan di antaranya sungguh ada yang meluncur jatuh, kerana takut kepada Allah dan Allah sekali-kali tidak lengah dari apa yang kamu kerjakan". Al-Baqarah : 74.

FISIOLOGI HAIWAN/ MANUSIA.

"Barangsiapa yang Allah mengkehendakki akan memberikan kepadanya petunjuk, nescaya dia melapangkan dadanya untuk memeluk ugama Islam dan barang siapa yang dikehendakki Allah kesesatannya nescaya Allah menjadikan dadanya sempit seolah-olah ia sedang mendaki langit". Al-Annam :125.

PEMBIAKAN ORGANISMA.

"Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasang-pasangan". Az-Zuriat : 49.

"Dia menciptakan langit dan bumi. Dia menjadikan dari jenis kamu sendiri berpasang-pasangan dan dari jenis binatang ternakan berpasang-pasangan pula". As-Shura : 11.

"Maha suci Tuhan yang telah menciptakan pasangan-pasangan semuanya, baik dari apa yang ditumbuhkan oleh bumi dan dari diri mereka maupun dari apa yang mereka tidak ketahui". Ya-Sin : 36.

AYAT MENGENAI EKOLOGI / ALAM SEKITAR.

"Tidakkah kamu melihat bahawa Allah menggerakkan awan, kemudian mengumpulkan antara bahagian-bahagiannya, kemudian menjadikan bertindih-tindih. Maka kelihatanlah olehmu hujan keluar dari celah-celahnya". An-Nur : 43.

"Dan tidak ada sesuatupun melainkan pada sisi Kamilah khazanahnya dan Kami tidak menurunkannya melainkan dengan ukuran yang tertentu". Al-Haji : 21.

"Dan segala sesuatu pada sisinya ada ukurannya". Al-Ra'du : 8.

"Dan kamu lihatlah gunung-gunung itu dan kamu sangka dia tetap di tempatnya, padahal ia berjalan sebagaimana jalannya awan. Begitulah perbuatan Allah yang membuatnya dengan kukuh tiap-tiap sesuatu. Sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan". An-Naml : 88.

"Dan dia menancapkan gunung-gunung di bumi supaya bumi itu tidak goncang bersama kamu. (Dan dia menciptakan) sungai-sungai dan jalan-jalan agar kamu mendapat petunjuk". An-Nahl : 15.

"Bukankah Kami menjadikan bumi itu sebagai hamparan dan gunung-gunung sebagai pasak". An-Nabaa' : 6-7.

"Dan Kami telah menghamparkan bumi dan menjadikan padanya gunung-gunung dan Kami tumbuhkan padanya segala sesuatu menurut ukuran". Al-Hijr:19.

"Sesungguhnya Kami menciptakan segala sesuatu menurut ukuran". Al-Qamar:49.

"Dan Kami telah meniupkan angin untuk mengahwinkan tumbuh-tumbuhan, dan Kami turunkan hujan dari langit lalu Kami beri minum dengan air, dan sekali-kali bukanlah kamu yang menyimpannya". Al-Hijra:22

KEPELBAGAIAN TUMBUHAN DAN HAIWAN.

"Dan tiadalah binatang-binatang yang ada di bumi dan binatang-binatang yang terbang dengan kedua sayapnya melainkan umat-umat seperti kamu juga". Al-Annam:38.

Perhatikanlah buahnya diwaktu pohonnya berbuah, dan perhatikan pula kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaaan Allah) bagi orang-orang yang beriman". Al-Annam:99.

"Dan di bumi ini terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan, dan kebun-kebun anggur, tanam-tanaman dan pohon-pohon kurma yang bercabang, disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanam-tanaman itu atau sebahagian yang lain tentang rasa (dan bentuknya). Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda-tanda (kekuasaaan Allah) bagi kaum yang berfikir". Ar-Ra'du:4.

"Apakah kamu tidak memerhatikan bahawa sesungguhnya Allah menurunkan air dari langit, maka diaturnya menjadi sumber-sumber di bumi kemudian ditumbuhkannya dengan air itu tanam-tanaman yang bermacam-macam warnanya". Az-Zumar:21

"Dan apakah mereka tidak memerhatikan bumi, berapa banyakkah Kami tumbuhkan di bumi itu pelbagai macam tumbuh-tumbuhan yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat sesuatu tanda (kekuasaan Allah) tetapi kebanyakan mereka tidak beriman". Ash-Sku'ara:7-8.

"Dan Dialah yang menjadikan kebun-kebum yang berjunjung dan yang tidak berjunjung, pohon kurma, tanam-tanaman yang bermacam-macam buahnya, zaitun, delima yang serupa (bentuk dan warnanya) dan tidak sama (rasanya). Makanlah dari buah-buahan yang bermacam-macam itu bila ia berbuah dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya (dengan disedekahkan kepada fakir miskin) dan janganlah kamu berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai kepada orang-orang yang berlebih-lebihan". Al-Annam:141.

"Sesungguhnya Allah menumbuhkan butir tumbuh-tumbuhan dan biji buah-buahan. Dia mengeluarkan yang hidup dari yang mati dan mengeluarkan yang mati dari yang hidup. (Yang memiliki sifat-sifat yang demikian ialah Allah, maka mengapa kamu masih berpaling". Al-Annam: 95.

"Dan di antara binatang ternak itu ada yang dijadikan untuk pengangkutan dan ada yang disembelih. Makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepadamu dan janganlah kamu mengikuti langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu". Al-Annam:142.

"Dan Dia telah menciptakan binatang ternak untuk kamu: padanya ada bulu yang menghangatkan dan berbagai-bagai manfaat dan sebahagiannya kamu makan". An-Nahl:5.

"Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah "buatlah sarang di bukit dan di pohon-pohon kayu dan di tempat-tempat yang dibuat manusia". Kemudian makanlah dari berbagai-bagai jenis buah-buahan dan tempuhlah jalan Tuhanmu yang telah dimudahkan Dari perut lebah itu

keluar madu yang bermacam-macam warna di dalamnya terdapat ubat yang menyembuhkan bagi manusia. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang memikirkan". An-Nahl:68-69.

"Tidakkah mereka memerhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang bebas. Tidak ada yang menahannya selain daripada Allah. Sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang memikirkan". An-Nahl:79

"Dan sesungguhnya pada binatang temak itu benar-benar terdapat pelajaran bagi kamu. Kami memberimu minum daripada apa yang ada di dalam perutnya (berupa) susu yang bersih antara tahi dan darah, yang mudah di telan bagi orang-orang yang meminumnya". An-Nahl:66

"Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur) maka ketahuilah sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setitis mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan tidak sempurna agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendakki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi (kemudian) dengan beransur-ansur kamu sampailah kepada kedewasaan dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan ada pula di antara kamu yang dipanjangkan umur sampai pikun, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahui. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air atasnya hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai-bagai macam tumbuhan yang indah". Al-Haj:5

"Dan di bumi ini terdapat bahagian-bahagian yang berdampingan dan kebun-kebun anggur, tanam-tanaman dan pohon kurma yang bercabang dan tidak bercabang, disirami dengan air yang sama. Kami melebihkan sebahagian tanam-tanaman itu atas sebahagian yang lain tentang rasanya. Sesungguhnya pada yang demikian itu

terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir". Ar-Raad:3.

"Dia menciptakan langit tanpa tiang yang kamu melihatnya dan meletakkan gunung-gunung di permukaan bumi itu tidak menggoyangkan kamu, dan memperkembang biakkan padanya segala macam jenis binatang. Dan Kami menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan padanya segala macam tumbuh-tumbuhan yang baik". Luqman:10.

"Dan apakah mereka tidak memerhatikan bumi, berapa banyakkah Kami tumbuhkan di bumi itu pelbagai macam tumbuh-tumbuhan yang baik". As-Sura:7-8.

"Perumpamaan orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah ialah rumah labah-labah kalau mereka mengetahu". Al-Ankabut:41.

PENCEMARAN.

"Telah nampak kerosakkan di darat dan di laut kerana perbuatan tangan manusia, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari akibat perbuatan mereka, agar mereka kembali ke jalan yang benar". Ar-Ruum:41

Beberapa potongan ayat di atas adalah beberapa contoh ayat Al-Quran yang memerlukan pendekatan saintifik bagi menjelaskan maksud dan fakta sebenarnya. Ayat-ayat di atas juga adalah contoh ayat yang berkait rapat dengan bidang Biologi. Ahli-ahli Biologi yang ikhlas sekaligus mengakui kebenaran dan hakikat ayat-ayat ini bahkan terpegun dan boleh menambahkan keimanan kepada Allah SWT, sebagaimana yang telah dikatakan oleh Dr. Maurice Bucaille "Tidak masuk akal bahawa seseorang yang hidup pada abad ke tujuh dapat melontarkan di dalam Al Quran idea-idea mengenai bermacam-macam hal yang bukan merupakan pemikiran manusia pada waktu itu. Dan idea-idea itu cocok dengan

apa yang dibuktikan oleh sains beberapa abad kemudiannya" (Bucaille, 1978).

Adalah menjadi satu perkara yang amat merugikan apabila khazanah ilmu pengetahuan yang tertulis di dalam kitab suci Al-Quran ini tidak digali secara bersungguh-sungguh terutama oleh umat Islam sendiri. Sains merupakan salah satu jalan atau cara yang mampu membawa penganutnya kepada pembentukannya komuniti umat yang maju dalam dua aspek penting, kemajuan rohani dan jasmani.

Atau dengan kata lain boleh membawa kepada keimanan sekaligus proses modenisasi yang membawa kepada pembinaan tamadun yang unggul.

Namun begitu ada beberapa perkara yang dirasakan boleh memberi sumbangan kepada merencatnya penggalan sumber ilmu ini. Islam juga memerlukan kepada kebebasan dalam pemikiran. Sememangnya daya penggerak di dalam diri manusia merupakan aset penting. Setiap manusia cenderung untuk mengetahui dan mengambil tahu. Hal ini adalah satu sifat semulajadi manusia yang sihat dan memang merupakan anugerah. Persoalan mengapa, bagaimana, apa, bila, kenapa yang timbul disetiap otak manusia adalah anugerah Tuhan yang maha berharga. Untuk menjawab persoalan-persoalan tersebut, maka manusia cenderung untuk belajar dan seterusnya di dalam proses mencari kebenaran, ilmu dapat dipelajari dan dikuasai. Sifat *curiosity* kanak-kanak perlu dipupuk dan disuburkan agar ia tidak mati yang seterusnya boleh *merencatkan daya gerak atau motivasi untuk belajar*.

Setiap ayat-ayat Al-Quran yang merangkumi sejarah, peraturan hidup, fakta dan juga hukum-hukum mempunyai sebab-sebab dan alasan yang tertentu yang perlu dicari dan digali, direnung dan difikirkan. Bahkan ayat-ayat suci itu memerlukan kepada pendekatan dan pemikiran dan logik dan penghayatan yang mendalam yang tidak boleh sama sekali ditelan bulat-bulat, dihafal atau dibaca tanpa memahami maksud sebenar. Kefahaman yang mendalam

hasil daripada pengkajian yang mendalam adalah lebih bermakna dan berharga dari hanya membaca dan kebolehan memetik potongan-potongan ayat untuk dihamburkan kepada pendengar.

Sememangnya dalam mencari hakikat sebenar, pemikiran manusia yang bebas kadang-kadang perlu *terawang-awang*. Maka kemungkinan untuk *sesat* atau mencapai kefahaman yang karut dengan hipotesis atau teori yang menyeleweng adalah besar. Sekalipun demikian hal ini tidak perlu berlaku di kalangan umat Islam yang terdidik dengan asas ketuhanan yang kukuh.

Teori-teori atau hipotesis yang telah diperjelaskan oleh saintis-saintis barat atau atheis boleh ditapis dan diperbetulkan dengan pengetahuan dan kemahiran saintis-saintis Islam sendiri. Oleh hal yang demikian sumbangan mereka perlu dipelajari, diambil kira dan dihargai.

Terdapat ramai manusia yang dahulunya kafir kini memeluk Islam, kerana mereka telah kenal, sayang dan terus mencintai Islam. Kita perlu bersyukur kerana kita telah dilahirkan sebagai seorang Islam, kerana ayah dan ibu kita orang Islam dan nama kita adalah nama Islam. Namun demikian ini bukan bermakna kita telah menjadi seorang Islam yang betul-betul Islam. Orang Islam sememangnya mempunyai pegangan, akhlak, moral, cara hidup, *stail*, pemikiran dan lain-lain lagi yang unik dan tersendiri.

Dari sudut keilmuan rata-rata orang Islam dikatakan agak tertinggal ke belakang. Hakikatnya juga dikatakan bahawa bukan sahaja dari segi ilmu orang Islam ketinggalan, tetapi juga bidang-bidang lain, pendidikan, sosial dan ekonomi. Tetapi kesemuanya itu adalah bertunjangkan kepada lemahnya tenaga intelektual Islam itu sendiri. Atas kelemahan ilmulah Islam lemah dan tertindas.

Dalam Islam, setiap manusia perlu berfikir bebas tetapi berlandaskan kepada mencari keredhaan Allah SWT. Tidak pula bebas tanpa sebarang had. Metodologi dan disiplin yang merencat keupayaan berfikir dan mencari-cari sebab perlu dikikis. Pemikiran yang bersifat sempit, tidak rasional, ortodoks perlu juga dihindari. Fenomena begini agak meluas berlaku di kalangan umat Islam. Ramai muda-mudi yang bersemangat Islam yang tinggi juga lemah dan tidak mahu mengambil pengetahuan orang lain kerana alasan *Islam telah lengkap* atau *Islam is complete and perfect*, tetapi tidak mengambil atau menunjukkan daya usaha untuk menonjolkan kelebihan Islam itu sendiri dengan ilmunya.

Bayi yang lahir sebagai Islam adalah seumpama manusia yang dilahirkan celik. Tetapi atas kecepetan ilmunya manusia Islam kembali menjadi buta dan merabara. Bayi yang lahir kafir adalah umpama orang buta yang merabara. Tetapi kerana kekuatan ilmunya beserta dengan petunjuk Allah SWT, ia boleh mengenal dan mencintai Islam lalu menjadi manusia celik yang kenal akan Tuhannya. Islamnya Dr. Maurice Bucaille atau Sheikh Abdul Kadir As Sufi (dahulunya Martin Lings) mungkin lebih bermakna. Umat Islam yang celik agaknya perlu juga mencuba menjadi buta supaya ia berusaha menjadi celik kembali dengan celik yang lebih bermakna.

Segala fenomena yang berlaku di alam adalah pengajaran yang amat berharga. Semuanya perlu dikaji dan dikupas. Fenomena keruntuhan akhlak, rakusnya sifat manusia, fenomena terhakisnya lapisan ozon, kejadian sel dan sebagainya telah tercatat. Tetapi adakah kita hanya perlu mengiyakan atau menyatakan dan memetik potongan-potongan ayat sahaja tanpa usaha untuk menyelidiki dengan mendalam? Sikap tunggu dan lihat adalah satu yang merugikan umat Islam. Tunggu dan lihat orang lain akan menemui fakta atau hakikat melalui hipotesis atau teori yang teruji. Kemudian, setelah ditemui kita akan cari di dalam Al-Quran apakah ayat-ayat itu sesuai dengan teori itu *vis-versa*. Kemudian akan mendabik dada dan bangga bahawa kesemuanya itu telah

tercatit di dalam Al-Quran dan menyatakan *inilah unggulnya Al-Quran*. (Zakaria Awang Soh, 1990).

Manusia yang terjadi hasil dari percampuran mani lelaki dan perempuan telah tercatat di dalam Al-Quran tetapi bagaimana dan bila proses-proses itu terjadi memerlukan pengkajian, pemerhatian dan pemikiran saintifik yang mendalam. Bumi yang diselimuti oleh satu lapisan pelindung juga tercatat di dalam Al-Quran tetapi setelah ditemunya lapisan ozon, kita tidak perlu megah sebaliknya bertanya kepada diri sendiri *mengapa aku tidak mengkaji benda yang telah ada tanda*. Sikap tunggu dan lihat sebegini perlu disingkirkan.

Perlu diingatkan juga, bagi Islam, sains *bukanlah The ultimate aims* dalam menuju kebahagiaan, tetapi sebagai satu dari banyak *alat* yang boleh digunakan untuk mencapai hasrat murninya. Walaupun ramai ahli sains Islam tidak berapa berkenan dengan Bucaillism, walaupun tertarik dengannya, ia harus dikupas dengan sangat berhati-hati (Shahrir Mohd Zin, 1991). Ini kerana membesar-besarkan kemukjizatan al Quran, yang bersifat mutlak, dengan Sains dan Teknologi yang bersifat relatif adalah sesuatu yang yang tidak sesuai (Muhammad Hussein Al-Zahabi, 1986).

Kajian-kajian saintis Islam bertujuan mewujudkan *keharmonian dan kesejahteraan* alam keseluruhannya. Alam yang dimaksudkan ialah manusia dan sekalian makhluk Tuhan, udara dan bumi. Jika dibiarkan dunia terbangun dengan corak ini maka benarlah seperti yang dikatakan oleh seorang ahli astronomi, Dr. Schumacher yang pernah mengungkapkan *dunia moden yang dibentuk oleh teknologi moden telah mengalami tiga krisis serentak*. Pertama, sifat tabii manusia memberontak menentang teknologi organisasi dan politik yang tidak berunsurkan kemanusiaan. Kedua, alam sekitar yang menyokong kehidupan insan, sakit, mengeluh, serta menunjukkan kehancuran. Ketiga, adalah jelas untuk sesiapa yang benar-benar berpengetahuan bahawa jalan yang diambil dalam penggunaan bahan-bahan api fosil akan mengakibatkan ketandusan dalam sedikit masa lagi.

Sebagai khalifah Allah SWT di bumi tugas, peranan dan tanggungjawab manusia bukan hanya terhad untuk memimpin manusia bahkan dia juga berkewajipan mengatur, mengagih, merancang, mengkaji dan menyelidiki bagaimana mereka mewujudkan kestabilan (*equilibrium*) dalam alam. Sains Islam menitik beratkan keharmonian (kesetaraan) yang dapat mencipta teknologi dengan gangguan alam sekitar yang paling minimum.

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ust. Rasid Muhammad, Koordinator Pendidikan Islam ITM Pahang, di atas komen yang diberi pada manuskrip asal artikel ini.

RUJUKAN

Shahrir Mohd Zin (1991). Modes and Operation in the Quest of Islamic Science. MAAS, *Journal of Islamic Science*. Vol: 6, No: 2.

Maurice Bucaille (1978). *The Bible, Quran and Science*. American Trust, Indianapolis.

Muhammad Hussein Al-Zahabi (1986). *Penyimpangan-Penyimpangan Dalam Penafsiran Al-Quran*. CV Rajawali, Jakarta.

Zakaria Awang Soh (1990). *Kejadian dan Keadaan Alam Semesta*. Berita Publishing, Kuala Lumpur.

Al-Quran dan Terjemahannya.